

**PERATURAN-PERATURAN TABUNG  
KEBAJIKAN KOPERASI  
JABATAN PERDANA MENTERI**

Koperasi Jabatan Perdana Menteri (M) Berhad  
4/18/2012

PERATURAN-PERATURAN TABUNG KEBAJIKAN  
KOPERASI PEKERJA-PEKERJA  
JABATAN PERDANA MENTERI MALAYSIA BERHAD

---

**1. TAJUK**

- 1.1 Peraturan-peraturan ini adalah dinamakan Peraturan-peraturan Tabung Kebajikan Koperasi Pekerja-pekerja Jabatan Perdana Menteri Malaysia Berhad.
- 1.2 Peraturan-peraturan ini diwujudkan di bawah Undang-undang Kecil Perkara 9(1)(b) dan Perkara 9 (3) Koperasi ini dan dikuatkuasakan selepas mendapat kelulusan Mesyuarat Agung Koperasi ini dan Ketua Pendaftar.

**2. TAFSIRAN**

Di dalam peraturan ini melainkan ada sesuatu perkara atau perkataan maknanya maka taksiran berikut adalah digunapakai.

- 2.1 Tabung Kebajikan – mengumpul dana dan lain-lain sumber kewangan bagi membantu anggota koperasi.
- 2.2 Derma/sumbangan maksudnya (Sumbangan) pemberian wang, barangan dan lain-lain secara ikhlas yang dikeluarkan daripada Tabung Kebajikan ,atau yang diterima mengikut peraturan-peraturan ini.
- 2.3 ‘Anggota’ maknanya anggota-anggota yang telah sah diterima masuk menjadi anggota mengikut Undang-undang Kecil Koperasi ini.
- 2.4 ‘Suami/isteri’ maknanya suami atau isteri-isteri anggota Koperasi ini yang sah di sisi undang-undang.
- 2.5 ‘Lembaga’ maknanya Lembaga Koperasi yang dilantik di bawah Undang-undang Kecil Koperasi ini.

2.6 'Keluarga anggota' termasuklah:-

- i. isteri atau isteri-isteri,
- ii. Suami,
- iii. anak-anak yang di bawah tanggungan.
- iv. Anak angkat yang sah di sisi undang-undang dan juga anak-anak tiri.
- v. Ibu bapa kandung serta ibu bapa mertua.

**3. TUJUAN**

3.1 Tabung Kebajikan ini diwujudkan untuk membantu meringankan kesusahan/bebanan dan lain-lain kepada anggota.

- i) Menderma kepada isteri/suami/anak yang meninggal dunia.
- ii) Menderma kepada anggota yang ditimpa kemalangan/sakit yang mendapat rawatan wad dan bencana alam.
- iii) Menderma kepada badan-badan kebajikan yang diiktiraf bagi meneruskan aktiviti-aktiviti kebajikannya.
- iv) Menderma kepada badan-badan yang dianjurkan oleh Kerajaan dengan tujuan untuk membangun masyarakat.
- v) Menderma kepada anggota yang mengalami keilangan kekal.
- vi) Menderma kepada anggota yang berkahwin kali pertama semasa menjadi ahli koperasi.
- vii) Menderma kepada anggota yang mendapat anak pertama selepas menyertai koperasi.
- viii) Menderma kepada anggota dan keluarga anggota di dalam perkara-perkara yang difikirkan sesuai oleh Lembaga.

- 3.2 Derma/Sumbangan dan lain-lain yang dinyatakan dalam peraturan ini adalah suatu kemudahan dan bukannya hak mutlak seseorang anggota.

#### **4. PUNCA KEWANGAN**

Kewangan bagi Tabung Kebajikan Koperasi ini adalah diperolehi dari:-

- 4.1 Keputusan Mesyuarat Agung Koperasi yang memutuskan supaya tidak lebih dari 2% dari keuntungan bersih Koperasi pada tiap-tiap tahun dipindahkan kepada Tabung Kebajikan ini sepertimana yang dibolehkan oleh Undang-undang Kecil Perkara 65 (2) (d) Koperasi ini.
- 4.2 Derma dan sumbangan daripada anggota.
- 4.3 Derma dan sumbangan daripada pihak luar.

#### **5. TAHUN KEWANGAN**

- 5.1 Tahun Kewangan Tabung Kebajikan Koperasi ini hendaklah bermula pada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember tiap-tiap tahun.

#### **6. PELABURAN**

- 6.1 Lembaga bolehlah, apabila difikirkan sesuai melaburkan semua atau sebahagian daripada wang Tabung Kebajikan ini di dalam mana-mana badan atau pertubuhan atau di dalam apa-apa bentuk sekalipun tertakluk kepada syarat-syarat di dalam Akta.
- 6.2 Apa-apa hasil dari pelaburan ini hendaklah dimasukkan semula ke dalam Tabung Kebajikan ini untuk digunakan bagi maksud dan tujuan-tujuan Tabung atau dilaburkan semula bagi menambahkan kewangan Tabung Kebajikan ini.

#### **7. PERMOHONAN**

- 7.1 Semua permohonan untuk mendapatkan bantuan derma dari Tabung Kebajikan ini hendaklah dibuat di dalam borang yang disediakan oleh koperasi.

- 7.2 Permohonan hendaklah disertakan dengan bukti/kenyataan yang sah yang boleh menyokong permohonan itu.
- 7.3 Semua permohonan derma hendaklah dipohon dalam tempoh 60 hari dari tarikh satu-satu kejadian itu berlaku.

## **8. KADAR DERMA**

- 8.1 Kadar sumbangan kepada sesuatu permohonan itu bergantunglah kepada kedudukan kewangan Tabung Kebajikan ini.
- 8.2 Kadar sumbangan seperti yang dinyatakan di dalam perkara 3 peraturan ini bolehlah dirujuk di Pejabat Koperasi dari semasa ke semasa pada waktu pejabat.
- 8.3 Derma atau sumbangan seperti di Lampiran (A).
- 8.4 Kadar di atas adalah bergantung kepada keputusan Lembaga dari masa Ke semasa.

## **9. MEMPROSES PERMOHONAN**

- 9.1 Borang permohonan apabila diterima hendaklah diproses oleh Jawatankuasa Kecil Kebajikan Koperasi ini.
- 9.2 Jawatankuasa ini hendaklah menentukan bahawa semua permohonan dibuat mengikut peraturan yang sedia ada.

## **10. SUMBANGAN**

- 10.1 Sumbangan bolehlah dibuat dengan cek, tunai atau berbentuk barangan.

## **11.SUMBANGAN/DERMA**

- 11.1 Jika kedudukan kewangan Tabung Kebajikan Koperasi ini mengalami kesulitan, maka Lembaga hendaklah menggantung aktivitinya sehingga masalah kewangan itu dapat dipulihkan semula.

## **12.AUDIT**

- 12.1 Akaun Tabung Kebajikan hendaklah diaudit bersekali dengan akaun Koperasi setahun sekali.

## **13.MAKLUMAN KEPADA MESYUARAT AGUNG**

- 13.1 Lembaga hendaklah melapurkan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan Anggota mengenai aktiviti Tabung Kebajikan.

## **14.PERTIKAIAN**

- 14.1 Jika berbangkit sebarang perselisihan faham di atas tafsiran peraturan ini atau timbul apa-apa perbalahan mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia mengikut Undang-undang Kecil Perkara 80.

Koperasi Pekerja-pekerja,  
Jabatan Perdana Menteri (M) Bhd.  
18 April 2012.



كوڤراسي فڪر جا ۲ جابتن فردان منتري (م) برحد  
**KOPERASI PEKERJA-PEKERJA JABATAN PERDANA MENTERI (M) BHD.**

DERMA – SUMBANGAN KEBAJIKAN ANGGOTA DAN KAKITANGAN KOPERASI  
 (BERKUARKUASA MULAI Disember 2012)

BIL.	PERKARA	SUMBANGAN	CATATAN
1.	Ziarah anggota sakit di Hospital (3 hari dalam wad sekali dalam 3 bulan) (jika ziarah di hospital tidak berkesempatan anggota boleh menuntut sumbangan dalam tempoh dua bulan dari tarikh masuk wad)	RM 100.00	
2.	Ziarah Kematian – Anggota/isteri/suami/ibu bapa/ (ibu bapa mertua) dan anak-anak (jika ziarah hari yang sama. Pendahuluan hendaklah disampaikan)	Pendahuluan:- RM 500.00 – Takaful (anggota sahaja) RM 100.00 - sumbangan	
3.	i. Ziarah Bencana Alam dan lain-lain. ii. Bersara kerana kesihatan dan lain-lain. iii. Mengalami keilangan kekal.	RM 100.00 – RM 200.00 RM 100.00 RM 100.00	
4.	i. Mendapat cahaya mata pertama sebagai Anggota Koperasi. ii. Perkahwinan kali pertama sebagai anggota Koperasi.	RM 100.00 RM 100.00	
5.	Berhenti anggota setelah menjadi anggota selama 20 tahun keatas selain tindakan tatatertib koperasi.	RM 100.00	

(borang permohonan boleh didapati di pejabat koperasi / sila hubungi di talian 8889 4191)

Diakui Peraturan - Peraturan Tabung Kebajikan telah di bentang, di bincang dan diluluskan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan Anggota pada 23 Jun 2012.

Sidek bin Ahmad  
Setiausaha

Dato'Hj. Mohd Zahir bin Osman  
Pengerusi

Azlan bin Zainal Abidin  
Bendahari

#### **SENARAI AHLI JAWATANKUASA BIRO KEBAJIKAN**

- |                                      |   |            |
|--------------------------------------|---|------------|
| 1. ENCIK ABU HASSAN BIN MIKON        | - | PENGERUSI  |
| 2. Y. BHG DATUK HAJI JABAR BIN SUDIN |   |            |
| 3. ENCIK MOHD SOM BIN MD ZAN         |   |            |
| 4. ENCIKHASAN BIN AB JALIL           |   |            |
| 5. ENCIK MOHAMAD YUSOF BIN ENDUT     |   |            |
| 6. PUAN HAJJAH CHE WAN BINTI BACHEK  |   |            |
| 7. PUAN HAJJAH HAMIDAH BINTI SUDAR   | - | SETIAUSAHA |
| 8. PUAN ROSHA BINTI NOOR             |   |            |

#### **TURUT HADIR**

- |  |   |                |
|--|---|----------------|
| 1. Y. BHG DATO HJ MOHD ZAHIR BIN OSMAN | - | PENGERUSI      |
| 2. TUAN HAJI ABU NOOR BIN ABU BAKAR    | - | NAIB PENGERUSI |
| 3. ENCIK SIDEK BIN AHMAD               | - | SETIAUSAHA     |
| 4. ENCIK AZLAN BIN ZAINAL ABIDIN       | - | BENDAHARI      |
| 5. ENCIK KHAIRU RADZI BIN HJ HUSSIN    | - | PENGURUS BESAR |